Kempen Pengecualian Caj Perkhidmatan Pindahan Telegraf

1. **TEMPOH PERADUAN**

1.1 Kempen "Pindahan Telegraf" ("Kempen") ini dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad ("CIMB Bank") dan akan berlangsung dari 1 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2011, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Peraduan"). CIMB Bank berhak setelah memberi notis yang mencukupi untuk menukar tempoh dan / atau tarikh berkuat kuasanya dan atau tarikh tamat Tempoh Peraduan.

2. **KELAYAKAN**

2.1 Kempen ini terbuka kepada pelanggan-pelanggan sedia ada dan baharu CIMB Bank Berhad ("CIMB Bank") dan CIMB Islamic Bank yang berumur 18 tahun ke atas yang melakukan pemindahan telegraf melalui transaksi penghantaran wang dengan CIMB Bank dari mana-mana Akaun Semasa / Akaun Matawang Asing dan / atau Akaun Simpanan dan / atau Deposit Tunai ("Peserta-peserta yang Layak"), selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini .

2.2 Individu-individu / entiti-entiti yang berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:

a. Perniagaan-perniagaan milikan tunggal, Perkongsian-perkongsian, Organisasi-organisasi / Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan / Tanpa-keuntungan, Pelanggan-pelanggan Korporat dan Komersial dan / atau;
b. Kakitangan-kakitangan tetap dan / atau kontrak CIMB Bank atau CIMB Islamic (termasuk anak-anak syarikatnya dan / atau syarikat-syarikat berkaitan dengannya) dan / atau ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami dan isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik); dan / atau
c. Wakil-wakil dan / atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan promosi dan vendor sistem) CIMB Bank dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami dan isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan / atau
d. Individu-individu di bawah umur 18 tahun

2.3 Berhubung dengan akaun-akaun bersama, hanya penama pertama pemegang akaun bersama iaitu pemegang akaun utama layak untuk menyertai Peraduan.

3. **PENYERTAAN YANG LAYAK UNTUK HADIAH-HADIAH**

3.1 Peraduan ini terbuka kepada semua Peserta-peserta yang Layak yang melakukan transaksi penghantaran wang Pindahan Telegraf melalui kaunter (OTC) dengan jumlah minimum RM5,000.00 dan ke atas.

3.2 Seorang Peserta yang Layak berhak untuk satu (1) penyertaan yang layak berdasarkan kepada setiap transaksi penghantaran wang bagi jumlah minimum sebanyak RM5, 000.00 dan ke atas. Oleh itu, jika Peserta yang Layak melakukan transaksi penghantaran wang Pindahan Telegraf sebanyak RM20,000.00, Peserta yang Layak itu hanya berhak untuk satu (1) penyertaan yang layak.

3.3 Penyertaan-penyertaan yang layak yang terkumpul pada sesuatu bulan hanya akan sah untuk penyertaan pada bulan yang sama. Penyertaan-penyertaan yang layak yang tidak terpilih sebagai pemenang untuk bulan itu akan luput dan oleh itu tidak akan sah untuk penyertaan bagi Peraduan pada bulan berikutnya.

3.4 Penyertaan-penyertaan yang layak bagi Peserta-peserta yang Layak tidak boleh dikumpul bagi sepanjang Tempoh Peraduan.

4. **HADIAH-HADIAH**

4.1 Hadiah-hadiah yang akan diberikan di bawah Peraduan ini adalah seperti berikut:

Kategori Hadiah Bulanan	**Unit**	**Nilai Maksimum (MYR) setiap unit**
Hadiah Utama	**Satu (1) Baucer Kembara**	**5,000.00**
Hadiah Tempat ke-2	**Satu (1) Baucer Kembara**	**3,000.00**

5. **PEMENANG YANG LAYAK**

5.1 Bilangan maksimum hadiah yang berpeluang untuk dimenangi oleh Peserta yang Layak di bawah Peraduan ini adalah satu (1) Hadiah Bulanan di sepanjang keseluruhan Tempoh Peraduan.

5.2 Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai, kos sampingan dan / atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan mana-mana hadiah melainkan dinyatakan sebaliknya. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa cukai, kos sampingan, caj dan / atau kerugian yang disebabkan oleh mana-mana hadiah dan / atau kegagalan untuk memenuhi oleh mana-mana ejen / pengedarnya.

6. PEMILIHAN PEMENANG

6.1 Prosedur pemilihan Pemenang-pemenang adalah seperti berikut:

Hadiah - Terdapat tiga (3) cabutan sepanjang Peraduan iaitu pada 31hb Oktober 2011, 30hb November 2011 dan 30 Disember 2011.

Tarikh Transaksi	Tarikh Cabutan
1 Oktober 2011-31 Oktober 2011	31hb Oktober 2011
1 November 2011- 30 November 2011	30hb November 2011
1 Disember 2011-30 Disember 2011	30hb Disember 2011

7. MEKANISME PERADUAN

7.1 Peserta (Peserta-peserta) yang Layak yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal (2) di atas akan disenarai pendek secara rawak pada setiap Cabutan Hadiah Bulanan oleh sistem pemilihan automatik dari senarai penyertaan yang layak. Peserta yang Layak yang telah disenarai pendek yang pertama berjaya menjawab 2 soalan akan diberikan Hadiah tempat pertama. Mana-mana Peserta yang Layak yang telah disenarai pendek yang gagal menjawab 2 soalan dengan betul tidak akan menerima Hadiah dan calon yang telah disenarai pendek seterusnya akan dihubungi. Proses ini akan diulang sehinggalah pemenang Hadiah ke-2 diikuti oleh pemenang Hadiah ke-3 ditentukan. Setiap Peserta yang Layak hanya berhak untuk satu Hadiah sahaja.

7.2 Panggilan (Panggilan-panggilan) telefon yang dibuat kepada Peserta (Peserta-peserta) yang Layak yang telah disenarai pendek akan berdasarkan kepada nombor (nombor-nombor) telefon yang dibekalkan oleh Peserta yang Layak dan disimpan dalam rekod-rekod CIMB Bank. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta (Peserta-peserta) yang Layak untuk memastikan bahawa nombor-nombor telefon yang telah diberikan oleh mereka adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB Bank sekiranya berlaku apa-apa perubahan dibuat oleh Peserta (Peserta-peserta) yang Layak.

7.3 CIMB Bank mempunyai budi bicara tunggal untuk menetapkan tarikh dan masa untuk membuat panggilan telefon kepada Peserta (Peserta-peserta) yang Layak yang telah disenarai pendek. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk panggilan-panggilan yang dibuat kepada Peserta (Peserta-peserta) yang Layak yang (i) tidak lengkap atau diputuskan atas apa-apa sebab sekalipun (ii) tidak dijawab atau tidak boleh untuk diteruskan kerana ketiadaan Peserta yang Layak yang telah disenarai pendek pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan / atau disebabkan oleh apa-apa jua alasan lain.

7.4 Semua sesi soalan dan jawapan akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB Bank dan keputusan panel hakim adalah muktamad dan tiada sebarang pertanyaan dan surat-menyurat akan dilayan.

7.5 Pemenang-pemenang Bulanan akan menerima surat pengesahan pemenang dalam tempoh empat (4) minggu selepas Tarikh Cabutan.

7.6 Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab untuk membuat perkiraan-perkiraan yang perlu dengan CIMB Bank dan / atau pengedar / ejennya bagi penghantaran dan / atau kutipan hadiah-hadiah. Semua cukai, caj dan kos sampingan dalam perkara ini hendaklah ditanggung oleh Pemenang-pemenang.

7.7 Pemenang-pemenang yang telah menerima surat pengesahan kemenangan mereka hendaklah dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh itu menebus Baucer Kembara mereka daripada ejen perjalanan yang dilantik dan untuk membuat perancangan perjalanan berdasarkan nilai hadiah-hadiah mereka.

8. PENEPIAN

8.1 Semasa Tempoh Peraduan, CIMB Bank akan memberikan pengecualian Caj Perkhidmatan Pindahan Telegraf kepada semua pelanggan individu yang melakukan pemindahan telegraf OTC melalui transaksi penghantaran wang dengan CIMB Bank bagi amaun minimum RM 5,000.00 dan ke atas.

9. UMUM

9.1 Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta yang Layak dianggap telah bersetuju untuk terikat oleh Terma-terma & Syarat-syarat ini dan apa-apa keputusan CIMB Bank dan para hakim adalah muktamad.

9.2 Keputusan CIMB Bank atas semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk Hadiah-hadiah yang akan diberikan dan penentuan pemenang-pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan akan dilayan.

9.3 CIMB Bank berhak setelah memberi notis yang mencukupi untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barang (barang-barang) lain yang sama nilainya. Hadiah-hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau apa jua jenis kredit. Hadiah-hadiah di bawah Peraduan tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang-barang yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan dan / atau bahan-bahan promosi yang mana ianya adalah untuk tujuan fotografi sahaja.

9.4 , CIMB Bank tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau kerugian khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian, atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini.

9.5 Semua Pemenang Hadiah Bulanan akan dimaklumkan melalui telefon dan / atau mel. Nama-nama Pemenang juga akan dipaparkan di laman sesawang CIMB Bank melalui www.cimbbank.com.my

9.6 CIMB Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini setelah memberi notis yang mencukupi. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini tidak akan memberikan hak kepada mana-mana Peserta yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank CIMB terhadap apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sebagai kesan secara langsung atau tidak langsung tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

9.7 CIMB Bank berhak setelah memberi notis yang mencukupi untuk meminda, memadam atau menambah terhadap mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini pada bila-bila masa. Apa-apa perubahan pada terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengikat dan dibawa kepada perhatian Peserta yang Layak, melalui mana-mana notis (i) yang dipaparkan di cawangan-cawangan atau premis-premis Bank; (ii) dihantar oleh Bank kepada Peserta yang Layak melalui pos atau mana-mana cara lain; atau (iii) yang diiklankan oleh Bank atau (iv) laman sesawang Bank.

9.8 Semua terma dan syarat yang mengawal operasi perkhidmatan pengiriman wang Bank hendaklah terpakai. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal perkhidmatan pengiriman wang Bank, adalah dengan ini dipersetujui bahawa terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan pengiriman wang Bank hendaklah terpakai.

9.9 Pemenang-pemenang Peraduan ini akan, mengikut budi bicara CIMB Bank dikehendaki untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam majlis penyampaian hadiah dan / atau lain-lain acara yang berkaitan yang dianjurkan oleh CIMB Bank.

9.10 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara Terma-terma & Syarat-syarat versi Bahasa Malaysia dan versi bahasa Inggeris, Terma-terma & Syarat-syarat versi Bahasa Inggeris ini akan digunapakai. Walau apa pun yang dinyatakan di atas sekiranya permintaan dibuat oleh Peserta yang Layak untuk Terma-terma & Syarat-syarat versi Bahasa Malaysia ini, CIMB Bank hendaklah memberikannya kepada peserta dan jika perjanjian itu dibuat atas dasar ini, maka Terma-terma & Syarat-syarat versi Bahasa Malaysia ini akan digunapakai.

9.11 Sekiranya Pelanggan-pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Kempen ini, Pelanggan-pelanggan boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan(CRU) di:

- No. Telefon : 03-2619 2380
- Alamat Email : cru@cimb.com
- Alamat : CIMB Bank Berhad, Aras 17, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
- No. Fax. : 03-2691 3248